

# KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

## SEBUTHARGA MSN.TR.SH.15/2020

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kelas yang berkaitan serta pendaftarannya masih lagi berkuat kuasa dalam tempoh tiga (3) bulan (90 hari) dari tarikh Sebutharga ini diiklankan dan masih dibenarkan membuat tawaran. Perbekalan adalah seperti berikut :-

Bil	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tempat Tawaran Borang / Laman Sesawang
1.	<b>CADANGAN MEMBAIKPULIH KOMPLEKS LAPANG SASAR MENEMBAK SERTA KERJA BERKAITAN DI GONG KUIN 2, KUALA NERUS, TERENGGANU.</b>	Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B24	Bahagian Pentadbiran & Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu  <i>msnt.gov.my</i>

Naskah tawaran boleh diperolehi pada **18 Oktober 2020 hingga 25 Oktober 2020** pada waktu pejabat di Bahagian Pentadbiran, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu dan Dokumen tawaran juga boleh dimuat turun di laman sesawang **msnt.gov.my**

Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil Kontraktor hendaklah membawa **Perakuan / Sijil Asal**, iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Dokumen Sebutharga yang siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis tajuk **'Cadangan Membaikpulih Kompleks Lapang Sasar Menembak Serta Kerja Berkaitan Di Gong Kuin 2, Kuala Nerus, Terengganu'** di sudut kiri sebelah atas sampul surat serta dialamatkan kepada **Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu (u/p: Urusetia Sebutharga)** dan hendaklah sampai ke dalam Peti Sebutharga, Bahagian Pentadbiran Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu pada **25 Oktober 2020 (Ahad) tidak lewat dari jam 12.00 tengahari.**

Tarikh : 11 OKTOBER 2020

  
(AHMAD SHAMSUL BIN YAHAYA)  
Timbalan Pengarah  
b.p. Pengarah  
Majlis Sukan Negeri Terengganu